



Utusan Malaysia - Sara Hidup Tinggi, Ubah Cara Rakyat Berbelanja

🕒 Rabu, Nov 15 2017



Sara hidup tinggi, ubah cara rakyat berbelanja

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Kos sara hidup yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini menyaksikan pengguna seluruh dunia termasuk rakyat Malaysia mengubah cara berbelanja terutama barangan keperluan harian yang ditawarkan dengan harga murah menerusi pembelian dalam talian.

Situasi itu jelas dapat dilihat apabila aplikasi beli-belah dalam talian, Lazada Malaysia empat hari lalu menawarkan tawaran diskaun tinggi untuk pembelian dalam tempoh sehari bagi kebanyakan produk yang ditawarkan di platform tersebut.

Apa yang memeranjatkan, pengguna berbelanja lebih RM100

juta menerusi aplikasi tersebut dalam tempoh ditetapkan yang turut memecah rekod nilai barangan kasarnya iaitu 20 peratus daripada jumlah operasi jualan keseluruhannya di Asia Tenggara yang melebihi RM515 juta.

Menurut portal Lowyat.Net, sebanyak 10 juta pengguna melawat aplikasi dan laman web Lazada Malaysia iaitu 6,900 pengunjung bagi setiap minit dan angka tersebut adalah tiga kali ganda daripada jumlah pengunjung apabila tawaran sama diadakan pada tahun lepas.

Bagaimanapun, jumlah itu masih tidak dapat dibandingkan dengan jualan dicatatkan oleh aplikasi beli-belah dalam talian

China, AliBaba pada hari sama, yang mencecah kira-kira RM105 bilion.

Dalam pada itu, antara kategori paling banyak dijual di Lazada Malaysia pada hari tersebut adalah barangan runcit, mainan dan bayi serta produk elektronik.

Antara yang mendapat permintaan adalah kad minyak Petronas, minuman Milo 2.2 kilogram, 'power bank' Pineng dan lampin pakai buang.

Selain itu, pelbagai barangan keperluan harian termasuk biskut Tiger berharga 81 sen dan televisyen Samsung 75 inci yang dijual dengan nilai serendah RM13,499 turut menjadi tumpuan pelanggan Lazada Malaysia.

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**